



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


18 OKTOBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 497 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 210,557 kes. Sebanyak lima (5) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Tambunan dan masing-masing satu (1) kes di Keningau, Nabawan dan Kunak. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 947 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 199,410 orang. Manakala 2,118 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 844 orang di hospital, 1,258 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 15 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 106 orang merangkumi 99 di ICU/repurposed kritikal care serta tujuh (7) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 35 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 157 (50.81%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kalabakan berubah dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Merah 26 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian di Sabah jatuh di bawah paras angka (500) kes hari ini. Jumlah kes yang dicatat hari ini ialah (497) kes, pengurangan (7) kes berbanding semalam.
- b. Daripada (497) kes, (259) kes atau 52.1% adalah kes yg berlaku sepanjang 24 jam yang lalu, (208) kes atau 41.8% merupakan kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (28) kes lewat daftar antara 4 hingga 5 hari dan dua (2) kes lewat daftar melebihi 5 hari selepas keputusan saringan diketahui.
- c. Kes-kes yang diperolehi melalui Saringan Bergejala kekal tinggi pada 33.2% daripada jumlah keseluruhan. (291) kes atau 58.3% merupakan kes melalui Saringan Kontak Rapat.
- d. Keberkesanan vaksin terbukti apabila 95.2% atau (473) kes daripada (497) kes berada dalam Kategori 1 dan Kategori 2, yakni sekadar mengalami simptom ringan atau tidak ada simptom sama sekali walaupun dijangkiti virus COVID-19 . Pesakit dalam Kategori 3 cuma empat (4) kes, satu (1) kes dalam Kategori 4 dan dua (2) kes dalam Kategori 5. (17) kes lagi masih dalam siasatan lanjut JKNS.
- e. Amatlah dianjurkan agar mereka yang telah melengkapkan pengambilan vaksin terus mengamalkan gaya hidup yang sihat dan mematuhi semua SOP. Mereka yang telah lengkap divaksin tidak kebal daripada jangkitan virus
- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (291) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	165	33.20%
3	Kontak	291	58.55%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	41	8.24%
JUMLAH		497	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (17 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 17/10/2021	Catatan Kes 18/10/2021	Perbandingan
1	Kota Belud	29	48	+19
2	Putatan	8	26	+18
3	Kota Kinabalu	60	71	+11
4	Kudat	15	25	+10
5	Sipitang	2	12	+10
6	Tenom	23	32	+9
7	Tambunan	13	19	+6
8	Beluran	13	19	+6
9	Lahad Datu	19	22	+3
10	Semporna	4	7	+3
11	Telupid	3	5	+2
12	Kunak	6	7	+1
13	Nabawan	4	5	+1
14	Kinabatangan	11	11	Mendatar
15	Penampang	44	22	-22
16	Beaufort	31	13	-18
17	Kota Marudu	29	16	-13
18	Pitas	19	8	-11
19	Tongod	10	2	-8
20	Keningau	28	22	-6
21	Tuaran	41	36	-5
22	Kuala Penyu	10	5	-5
23	Sandakan	10	5	-5
24	Ranau	24	20	-4
25	Kalabakan	4	0	-4
26	Papar	30	27	-3
27	Tawau	14	12	-2
JUMLAH		504	497	-7

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (3 Oktober – 16 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	42	28	0	1	71	1,045
Kota Belud	0	25	16	0	7	48	815
Tuaran	0	25	9	0	2	36	526
Tenom	0	24	8	0	0	32	479
Papar	0	18	7	0	2	27	358
Putatan	0	14	12	0	0	26	283
Kudat	0	17	7	0	1	25	394
Penampang	0	10	12	0	0	22	386
Keningau	0	14	5	0	3	22	580
Lahad Datu	0	12	8	0	2	22	481
Ranau	0	11	8	0	1	20	669
Beluran	0	15	3	0	1	19	219
Tambunan	0	14	5	0	0	19	198
Kota Marudu	0	3	9	0	4	16	549
Beaufort	0	8	5	0	0	13	280
Tawau	0	7	4	0	1	12	297
Sipitang	0	6	6	0	0	12	150
Kinabatangan	0	9	0	0	2	11	205
Pitas	0	3	4	0	1	8	349
Kunak	0	4	1	0	2	7	115
Semporna	0	0	1	0	6	7	102
Sandakan	0	0	2	0	3	5	372
Kuala Penyu	0	4	1	0	0	5	58
Nabawan	0	4	0	0	1	5	131
Telupid	0	1	3	0	1	5	158
Tongod	0	1	1	0	0	2	95
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	40
JUMLAH	0	291	165	0	41	497	9,334

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tiada Catatan Kluster		

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,402 unit

- Hospital 1,922 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,010 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 33.08%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 18 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	494
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
Jumlah	497

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	743
Bukan Malaysia	24
Jumlah	497

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	98
Belum Menerima Vaksin	69
Menerima 1 Dos	18
Lengkap 2 Dos	312
Jumlah	497

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	6
1 to 5	46
6 to 11	46
12 to 17	25
18 to 25	79
26 to 59	255
>60	40
Jumlah	497

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 18 Oktober 2021)
Tiada PKPD		

D RINGKASAN PERUBAHAN SOP FASA 2 KE FASA 3 PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) BAGI NEGERI SABAH

(Warta Rasmi Akan Menyusul)

1 Kawalan Pergerakan (Darat)

- i Hanya tiga (3) orang sahaja wakil isi rumah bagi individu BELUM lengkap divaksin dibenarkan keluar hanya untuk mendapatkan bekalan makanan, ubat, penokok diet dan keperluan asas.
- ii Perkhidmatan bas ekspres, bas henti-henti, bas pekerja, bas sekolah, bas pelancongan dan keretapi dengan kapasiti 75% penumpang.
- iii Perkhidmatan teksi / *e-hailing* maksimum hanya empat (4) orang termasuk pemandu.

2 Kawalan Pergerakan (Laut)

- i Bagi bot - bot nelayan di perairan ESSZONE yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan hanya DIBENARKAN dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang (hanya di jeti-jeti yang dibenarkan sahaja). Kebenaran ini tertakluk kepada permit yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Daerah berkenaan.

- ii Pergerakan kapal Non-Convention Ships (NCS) Indonesia dan Filipina yang memasuki perairan ESSZONE, Sabah, Malaysia dan semua Kapal NCS Malaysia dari perairan ESSZONE ke Filipina dan Indonesia bagi aktiviti barter trade dan transshipment adalah DIBENARKAN dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang.
- iii Kapal pengangkut ikan Indonesia ke Tawau adalah DIBENARKAN dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang.
- iv Pergerakan perkhidmatan feri/bot komersil seperti berikut Feri Penumpang, Bot Penumpang dan Feri Kenderaan (Roro ferry) adalah DIBENARKAN beroperasi dengan 75% kapasiti penumpang. Bagi Feri Kenderaan, muatan kenderaan adalah mengikut kapasiti sebenar feri berkenaan. Masa operasi adalah dari jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam.

3 **Aktiviti Pekerjaan**

Had jumlah pekerja yang bertugas seperti berikut:

- i Sektor Awam Persekutuan – 80% jumlah kakitangan bekerja di pejabat manakala 20% bekerja dari rumah namun tidak termasuk frontliners, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan.
- ii Sektor Awam Negeri – 90% jumlah kakitangan bekerja di pejabat manakala 10% bekerja dari rumah tertakluk kepada ketetapan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

4 **Aktiviti Ekonomi**

- i Operasi kafe siber dan pusat siber DIBENARKAN beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam dengan 50% kapasiti tertakluk kepada kelulusan PBT.
- ii Kompleks membeli belah (hanya sub sektor yang telah dibenarkan beroperasi) DIBENARKAN beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam. Penggunaan *fitting room* DIBENARKAN.

- iii Pameran dan aktiviti berkaitan dengan *Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE) secara bersemuka DIBENARKAN dengan syarat semua yang hadir telah lengkap divaksin dan kapasiti 50% ruang premis.
- iv Operasi bilik persalinan, bilik mandi dan bilik solat di premis *club house* adalah DIBENARKAN dengan kapasiti 50% ruang bilik.

5 **Fasiliti Sukan**

- i Kanak-kanak di bawah 12 tahun yang ditemani oleh ibubapa yang telah lengkap divaksin dan remaja berumur 12 hingga 18 tahun yang sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin DIBENARKAN menggunakan fasiliti sukan.
- ii Penganjuran kejohanan / pertandingan / acara sukan massa DIBENARKAN dengan kebenaran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) TERHAD dengan penyertaan tidak melebihi 250 orang dan telah lengkap divaksin. Tempoh masa aktiviti dilakukan bermula 6.00 pagi sehingga 8.00 malam.

6 **Pelancongan**

- i Aktiviti seperti penggunaan kemudahan penginapan seperti sauna dan jakuzi adalah DIBENARKAN dengan kapasiti 50% ruang.
- ii Taman Tema, Pusat Hiburan Keluarga, *indoor playground*, karaoke keluarga dan permainan mesin kanak-kanak DIBENARKAN beroperasi dengan syarat semua pengusaha/operator dan pengunjung telah lengkap divaksin.

7 **Pendidikan**

- i Murid prasekolah / tadika DIBENARKAN hadir tanpa penggiliran tertakluk kepada arahan semasa oleh pihak KPM.
- ii Kelas tuisyen, kelas muzik, kelas tarian, kelas seni, kelas mengaji berbayar, kelas bahasa berbayar dan sebagainya DIBENARKAN beroperasi secara bersemuka dengan penggiliran serta 50% kapasiti kelas.

8 **Industri Kreatif**

- i Aktiviti penyiaran secara rakaman atau siaran langsung berbentuk penyampaian maklumat dan hiburan DIBENARKAN dengan kehadiran penonton serta pameran seni di dewan pameran, muzium dan galeri seni (secara temujanji) DIBENARKAN dengan pekerja dan pengunjung yang telah lengkap divaksin dengan kapasiti 50% ruang premis.
- ii Aktiviti panggung wayang DIBENARKAN dengan syarat pekerja dan penonton telah lengkap divaksin dan berstatus risiko rendah COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera dengan kapasiti 70% dewan tayangan pawagam.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **658,410** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 13 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 10,004 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 67 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 10 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Enam (6) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
 - Tiga (3) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Satu (1) Orang : Individu Gagal Mengemukakan Kad Suntikan Vaksin/Tiada Berdaftar Pada Aplikasi MySejahtera Di Telefon Bimbit.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 118 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 27 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,050 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 273 premis perniagaan dan 1,270 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di DM Hotel, Damai. Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 305 Premis Perniagaan melibatkan 179 anggota APM. Satu (1) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 119 anggota di 162 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 14 premis, melibatkan sembilan (9) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 94 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 151 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **97.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	98%
2	Sandakan	98%
3	Papar	98%
4	Sipitang	98%
5	Kunak	98%
6	Kota Kinabalu	97.5%
7	Beluran	97.5%
8	Beaufort	97.5%
9	Tuaran	97.5%
10	Ranau	97.5%
11	Kota Marudu	97.5%
12	Lahad Datu	97.5%
13	Tawau	97.5%
14	Penampang	97%
15	Keningau	97%
16	Kota Belud	97%
17	Kudat	97%
18	Kinabatangan	97%
19	Semporna	97%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**